

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Hu Suk Fun (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen (3) Kota Kinabalu bagi pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menghalang meter daripada merekodkan dengan sempurna penggunahabisan elektrik. Pada 11 Januari 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu telah menjatuhkan hukuman denda RM20,000.00 jika gagal bayar 30 hari penjara dan OKS telah membayar denda tersebut.